

**GOLONGAN KATA (10 markah)**

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini. Kemudian, lorek bujukan bernombor di Kertas OAS yang disediakan berdasarkan jawapan pilihan kamu itu.

|                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                   |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Hobi Rania ialah membaca. Rania suka membaca pelbagai jenis bahan bacaan yang informatif seperti surat khabar, buku-buku dan majalah yang berunsur <u>(16)</u>.</p>                                                                                                             | <p><b>16</b> (1) jenaka<br/>(2) nyanyian<br/>(3) kesedihan<br/>(4) pengetahuan</p>                                                                |
| <p>Hobi Rania ini telah mendatangkan keuntungan baginya. Dia telah <u>(17)</u> sebagai Duta Bahasa Melayu 2023. Melalui minatnya itulah, cara pemikirannya menjadi lebih <u>(18)</u>.</p>                                                                                          | <p><b>17</b> (1) dipilih<br/>(2) ditarik<br/>(3) direbut<br/>(4) dipaksa</p> <p><b>18</b> (1) luas<br/>(2) kabur<br/>(3) dalam<br/>(4) sempit</p> |
| <p>"Dari dahulu saya memang gemar membaca <u>(19)</u> saya cinta akan ilmu. Tambahan pula, ibu bapa saya juga suka membaca. Jadi tidak mustahil saya juga mengikut jejak <u>(20)</u> berdua yang rajin membaca itu," kata Rania ketika dia ditemu bual oleh seorang pemberita.</p> | <p><b>19</b> (1) lalu<br/>(2) atau<br/>(3) sambil<br/>(4) kerana</p>                                                                              |
| <p>Oleh itu, Rania selalu mengingatkan kawan-kawan supaya memilih hobi yang baik dan mendatangkan faedah.</p>                                                                                                                                                                      | <p><b>20</b> (1) dia<br/>(2) saya<br/>(3) kami<br/>(4) mereka</p>                                                                                 |

(lihat halaman sebelah)